



RIZA ATIQ ABDULLAH (kiri) bersama tetamu kehormat bergambar kenangan sempena perasmian Festival Antarabangsa Emas, Dinar dan Dirham 2017.

INFO DINAR

- Dinar Emas Kelantan mula dicetak dan dikeluarkan secara rasmi pada 2006
- Dinar emas moden pertama dicetak oleh Islamic Mint pada tahun 1992 selepas kejatuhan zaman Turki Othmaniah
- Islamic Mint merupakan pencetak dinar emas pada peringkat dunia.



Nilai terkandung di dalam emas

Salmly Edawati berkata, berdasarkan sistem kewangan hari ini, mata wang kertas tidak lagi dicetak dengan sandaran emas sebaliknya pengeluarannya berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), keupayaan atau potensi pengeluaran hasil bumi setiap negara.

Sementara itu, katanya, terdapat kelebihan dan kekurangan sekiranya mata wang bersandarkan emas dan mata wang kertas dibandingkan antara kedua-duanya.

Menurutnya, mata wang kertas tiada nilai terkandung sekiranya terkoyak atau terbakar, maka tiada lagi nilai yang terdapat padanya kerana wang tersebut hanyalah 'legal tender' yang dicetak dengan nilai tertentu.

Namun begitu tegasnya, emas berbeza dengan mata wang kertas kerana nilai satu dinar itu adalah mengikut berapa berat atau gram dinar tersebut.

"Kalau emas fizikal, nilai satu dinar itu bergantung kepada jumlah terkandung emas itu sendiri iaitu mengikut kadar



Kalau emas fizikal, nilai satu dinar itu bergantung kepada jumlah terkandung emas itu sendiri iaitu mengikut kadar berat atau gram emas itu sendiri. Sekiranya terhakis, hakisannya itu pun ada nilai malah debu-debunya pun ada nilai."

gram atau berat emas itu sendiri. Sekiranya terhakis, hakisannya itu pun ada nilai malah debu-debunya pun ada nilai.

"Menariknya, keistimewaan emas tidak mudah dirosakkan meskipun terbakar. Maka di situ kekuatan sifat emas itu sendiri yang mempunyai nilai terkandung," katanya.



Solusi terbaik tangani manipulasi

MENGULAS lanjut, Salmly Edawati berkata, kemelesetan ringgit di negara-negara ASEAN sekitar 1987 menyaksikan kejatuhan yang sangat teruk termasuk rupiah Indonesia mengalami kejatuhan sehingga 600 peratus, selain Malaysia juga tidak terkecuali apabila mata wang ringgit seakan tidak bernilai.

Namun selepas itu menurutnya, terdapat cadangan untuk menggunakan dinar emas sebagai mata wang bagi mengelak tercetusnya permasalahan atau aktiviti memanipulasi mata wang yang tiada sandaran emas.

Jelasnya, selepas cetusan idea yang timbul pada 2001 itu, ramai pihak melakukan kajian berhubung dinar emas yang

telah diguna pakai sejak zaman Rasulullah SAW termasuk melihat kembali kelebihannya.

Katanya, selepas dilakukan penyelidikan, dinar emas sebenarnya satu-satunya kaedah yang berjaya membuktikan keunggulan umat Islam apabila sistem kewangan itu berupaya melindungi nilai mata wang, lasak dan mempunyai

kestabilan.

"Atas kepelbagaian keistimewaan dan perbincangan, maka terdapat cadangan mengembalikan penggunaan dinar emas. Kita mula nampak kelebihan yang ada, malah masyarakat mula memahami, nampak dan sedar kelebihan yang ada pada emas," katanya.



SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Festival Antarabangsa Emas, Dinar dan Dirham 2017.

PAKAR kewangan Islam, Dr. Zaharuddin Abdul Rahman yang juga penyelidik di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam antara penceramah membentangkan kertas kerja berhubung dinar emas.